

BAHAGIAN A

[20 markah]

*Jawab semua soalan***Soalan 1 hingga soalan 4***Nyatakan istilah yang betul bagi pernyataan di bawah.*

- 1 Golongan umat Islam generasi terdahulu yang hidup dalam kurun pertama hingga kurun ketiga hijrah.
- 2 Kelompok yang berhak menerima zakat.
- 3 Cukai yang dikenakan kepada orang bukan Islam yang menetap dan berlandung dalam sebuah Negara Islam.
- 4 Kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib dilaksanakan sebagai menunaikan hak Allah.

Soalan 5 hingga soalan 8*Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang paling sesuai.*

| | | | | | |
|-------|-----------------------|----------|---------|--------------------|---------|
| rasul | empat orang lelaki | malaikat | manusia | sahifah Madinah | mukalaf |
|-------|-----------------------|----------|---------|--------------------|---------|

- 5 Manusia wajib percaya dan yakin akan kewujudan perkara ghaib yang dikhabarkan oleh para nabi dan _____.
- 6 Setiap _____ perlu meyakini Allah SWT itu wujud, tetapi hakikat zat Allah SWT tidak dapat diketahui oleh manusia.
- 7 Bagi kesalahan zina, Islam menetapkan bilangan saksinya sebanyak _____.
- 8 Rasulullah SAW telah membuat satu perjanjian dengan seluruh penduduk Madinah yang dikenali sebagai _____.

Soalan 9 dan soalan 10

Lengkapkan Jadual di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan dengan pandangan hidup Islam.


| | |
|----------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| P | Ketuhanan iaitu segala hukum, konsep ,prinsip , nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu Allah SWT. |
| Q | Realiti Islam ialah agama yang praktikal, mampu diamalkan oleh semua golongan manusia. |

9 **P** ialah

10 **Q** ialah

Soalan 11 dan soalan 12

Lengkapkan ruangan kosong yang disediakan berdasarkan jadual yang berkaitan sistem perundangan Islam.




11 **R** ialah

12 **S** ialah

Soalan 13 dan soalan 14

Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan konsep pergaulan dalam Islam.




13 T ialah

14 U ialah

Soalan 15 dan soalan 16

Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang betul.



15 X ialah

16 Y ialah

Soalan 17 hingga soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul (X) pada pernyataan yang salah

- 17 Memakai pakaian yang menutup aurat adalah satu langkah untuk menjauhi diri dari maksiat dan kemungkar.
- 18 Riba diharamkan oleh Islam kerana ianya mengandungi unsur judi.
- 19 Dalam muamalah Islam, unsur kerugian tidak boleh berlaku kerana ianya bukanlah perkara lumrah
- 20 Ciri-ciri sistem pemerintahan Islam ialah mengamalkan demokrasi dalam pemerintahan berdasarkan al-Quran dan al-hadis.

Bahagian B

[80 markah]

Jawab empat soalan sahaja

- 1 (a) (i) Nyatakan maksud iman [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** rukun iman [2 markah]

Encik Abu akan menjalani pembedahan pintasan jantung pada bulan hadapan di sebuah hospital swasta terkemuka

- (b) (i) Senaraikan **dua** amalan akidah yang perlu dilakukan oleh Encik Abu. [2 markah]
- (ii) Ramalkan keadaan yang akan berlaku sekiranya Encik Abu tidak mempunyai pegangan akidah yang kuat. [4 markah]
- (c) (i) Nyatakan **dua** ciri pekerjaan dalam Islam. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** etika kerja Islam. [4 markah]
- (d) Jelaskan **dua** asas pemilikan harta dalam Islam. [4 markah]
- 2 (a) (i) Apakah maksud khalifah Allah SWT. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** tujuan penciptaan manusia. [4 markah]
- (b) Terangkan **dua** kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT daripada aspek agama . [4 markah]
- (c) Jelaskan **dua** cara sistem perundangan Islam memelihara nyawa manusia . [4 markah]

Pandu lawan arus, lelaki maut kereta bertembung

Oleh [Nor Azizah Mokhtar](mailto:norazizah@nstp.com.my) - Februari 26, 2022 @ 12:27pm
norazizah@nstp.com.my

Kemalangan maut berhampiran Plaza Tol Pantai, Lebuhraya SPRINT selepas sebuah PERODUA Axia dipandu secara melawan arus, awal pagi tadi. - Foto PDRM
 KUALA LUMPUR: Seorang lelaki maut selepas kereta dipandunya secara melawan arus di Kilometer 6.2 Lebuhraya SPRINT dari arah Hartamas menghalau Plaza Tol Pantai di sini, bertembung sebuah kenderaan lain, awal pagi tadi.

Dalam kejadian kira-kira jam 1 pagi itu, mangsa berusia 28 tahun yang memandu PERODUA Axia disahkan meninggal dunia di tempat kejadian akibat kecederaan parah di bahagian dada.

- (d) (i) Berdasarkan berita di atas, senaraikan **dua** kesan yang akan berlaku selain daripada kematian. [2 markah]
- (ii) Ramalkan keadaan yang akan berlaku sekiranya penguatkuasaan undang-undang tidak memberi pengajaran kepada pengguna jalan raya. [4 markah]
- 3 (a) Terangkan **dua** adab dan etika berdasarkan Sistem Sosial Islam. [4 markah]
- (b)
-
- (i) Senarai **dua** contoh perbuatan di atas. [2 markah]
- (ii) Kemukakan hujah anda menurut Islam, berkaitan pandangan segelintir masyarakat yang menganggap perbuatan ini adalah hak asasi manusia yang perlu dihormati. [4 markah]
- (c) (i) Jelaskan **dua** ciri pentadbiran dan pengurusan Islam. [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kesan mentadbir dan mengurus mengikut syariat. [4 markah]
- (d) Senaraikan **dua** etika tadbir urus Islam selain integriti. [2 markah]

- 4 (a) Huraikan cara beriman **dua** daripada perkara berikut:
- Beriman kepada Malaikat
 - Beriman kepada Rasul
 - Beriman kepada Hari Akhirat
- [4 markah]
- (b) Nyatakan **dua** cara bertaubat
- [2 markah]
- (c) Terangkan **dua** amalan yang dapat membuktikan pegangan akidah yang benar
- [4 markah]
- (d) Jelaskan **dua** keistimewaan Sistem Ekonomi Islam.
- [4 markah]



- (e) (i) Senaraikan **dua** sistem muamalat yang boleh diamalkan berdasarkan gambar di atas.
- [2 markah]
- (ii) Kemukakan cadangan anda, bagi menjadikan mumamalat ini lebih diminati berbanding makan gaji.
- [4 markah]
- 5 (a) (i) Jelaskan **dua** kedudukan akal.
- [4 markah]

(b)



Sumber : Kosmo, 29 Oktober 2022

- (i) Senaraikan **dua** punca berlakunya perbuatan ini .
- [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah akal seseorang itu menjadi rosak dengan melihat bahan terlarang ini.
- [4 markah]

- (c) Jelaskan **dua** matlamat sistem kehakiman Islam [4 markah]
- (d) Senaraikan **dua** syarat perlantikan hakim [2 markah]
- (e) Huraikan **dua** cara anda menjauhkan diri daripada jenayah [4 markah]
- 6 (a) Nyatakan **dua** prinsip pergaulan menurut Islam [2 markah]
- (b) Jelaskan **dua** adab dan etika berhibur yang bertepatan dengan hukum syarak [4 markah]
- (c) Anda dan rakan-rakan sedang leka bermain bolasepak di padang sekolah. Tiba-tiba azan Maghrib berkumandang dari masjid berdekatan.
- (i) Nyatakan dua tindakan yang boleh anda dilakukan berdasarkan adab dan etika berhibur dalam Islam. [4 markah]
- (d)

| |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Bajet 2022 memperuntukkan RM6.6 bilion bagi memperkasa bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk memenuhi permintaan pekerja keperluan industri. |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
- Sumber : Harian Metro, 1 Nov 2021.*
- (i) Berdasarkan keratan akhbar di atas, sebagai seorang pelajar, apakah tindakan yang boleh anda lakukan bagi memenuhi keperluan tenaga mahir negara terutama dalam bidang teknikal dan industri. [6 markah]
- (e) Terangkan **dua** elemen penting pembentukan negara Islam. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT